From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 20 July, 2022 2:37:11 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM KUKUH KERJASAMA DENGAN KONSULAT JENERAL JEPUN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

20 JULAI 2022 / 20 ZULHIJJAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM KUKUH KERJASAMA DENGAN KONSULAT JENERAL JEPUN



UUM ONLINE: Kunjungan hormat Konsul Jeneral Jepun, Orikasa Hiroyuki ke atas Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah hari ini memperkukuhkan kerjasama antara UUM dengan Konsulat Jeneral Jepun di

Pulau Pinang.

Tujuan kunjungan itu bertujuan untuk memperkukuhkan dan memajukan perkongsian serta kerjasama antara kedua-dua pihak, selain pertemuan bersama alumni yang pernah menyambung pelajaran di negara matahari terbit itu.

Dalam pertemuan singkat tetapi bermakna itu, Haim Hilman memberi penerangan ringkas tetapi padat berkenaan universiti ini termasuk perkembangan kejayaan yang diperoleh.

Beliau berkata, kunjungan hormat daripada Konsul Jeneral Jepun itu secara tidak langsung mengukuhkan lagi hubungan antara UUM dan Konsulat Jepun di Malaysia.

“Untuk berada di peringkat global, saya percaya pada hubungan persahabatan dan perkongsian antara pelbagai pihak kerana kita tidak boleh melakukannya sendirian untuk berjaya.

"Di samping itu, dengan adanya kerjasama ini juga kelak kita ingin mempersiapkan pemimpin masa hadapan untuk memahami dan menghormati setiap budaya," katanya.

Pada sesi itu, Haim Hilman turut menjelaskan tentang potensi kolaborasi seperti program edu pelancongan, program pertukaran pelajar secara *‘inbound’* dan *‘outbound’*, program pertukaran budaya, program libat urus komunti UUM-Jepun, penyelidikan akademik dan program geran, program pertukaran staf dan latihan praktikum pelajar serta program kampus satelit di negeri ini.

Sementara itu, Orikasa berkata, kunjungan beliau itu adalah untuk berbincang tentang apa yang boleh dilakukan oleh Konsulat dan UUM secara bersama pada masa hadapan dalam usaha mengukuhkan lagi hubungan Jepun dan Malaysia.

Menurutnya, bagi tujuan itu juga, beliau mempelajari adat istiadat negara ini sebagai menghormati budaya negara lain dan pada masa sama menggalakkan persefahaman dan penglibatan global dalam pelbagai bidang antara kedua-dua negara.

Dalam pertemuan itu juga, Orikasa turut memberi penerangan tentang pendekatan realistik dan praktikal yang diambil oleh organisasi Jepun di enam negeri di sini sempena 40 tahun Dasar Pandang Ke Timur (LEP) pada tahun ini termasuk mengadakan program untuk menggiatkan semula LEP.

Selain itu, katanya, pihaknya juga memainkan peranan membantu pelajar baru untuk menerima budaya masyarakat Jepun dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan menerusi pelbagai aktiviti.

“Kami komited untuk memastikan pelajar Malaysia di Jepun bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah turut belajar tentang amalan baik oleh orang Jepun.

"Pada masa sama, pelajar ini akan menjadi duta kami untuk mempromosikan Malaysia kepada penduduk Jepun dengan membina jaringan bersama pelajar dan juga komuniti di tempat mereka tinggal," katanya lagi.

Lawatan beliau ke UUM diakhiri dengan sesi dialog bersama pensyarah yang pernah mengikuti pembelajaran di negara berkenaan, seterusnya meninjau fasiliti di UUM seperti padang golf, kandang rusa, Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Pusat Budaya dan Seni.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.